

PENYEBARAN KONSONAN HENTIAN GLOTIS DALAM DIALEK HULU ROMPIN: TINJAUAN AWAL

MOHD TARMIZI HASRAH
Universiti Utara Malaysia
h.tarmizi@uum.edu.my

KHAIRUL FAIZ ALIMI
Universiti Utara Malaysia
kfalimi@uum.edu.my

MOHAMAD ZAKUAN TUAN IBHARIM
Universiti Utara Malaysia
zakuan@uum.edu.my

ABSTRAK

Berbeza dengan varian Malayik di Borneo, dalam dialek Melayu semenanjung, konsonan hentian glotis dianalisis sebagai alofon kepada konsonan hentian plosif /p/, /k/ dan /t/ di akhir kata. Dengan statusnya sebagai alofon, hal ini bermaksud, (i) di kedudukan akhir kata, udara yang dikeluarkan bagi menghasilkan bunyi plosif /p/, /k/, /t/ disekat justeru direalisasikan sebagai [ʔ], dan (ii) realisasi tersebut tidak memperlihatkan perbezaan makna. Walau bagaimanapun, Collins (1985) mendapati bahawa generalisasi tentang status [ʔ] yang dicerap hanya sebagai alofon kepada plosif /p/, /t/ dan /k/ di kedudukan akhir kata tidak berlaku secara menyeluruh. Hal ini dibuktikan dengan data yang dikumpul di Pulau Tioman yang menunjukkan status [ʔ] bukan sebagai alofon tetapi sebagai fonem. Persoalannya ialah dengan mengambil kira konteks dialek Melayu semenanjung, adakah dialek lain yang memperlihatkan gejala yang serupa dengan dialek Melayu Pulau Tioman? Tinjauan lapangan di Hulu Rompin mendapati bahawa penyebaran konsonan hentian glotis adalah sangat meluas dalam daftar kata yang dikumpulkan terutama di posisi antara vokal dan akhir kata. Makalah ini bertujuan menganalisis penyebaran konsonan hentian glotis dalam dialek tersebut. Analisis dilakukan dengan menerapkan pendekatan deskriptif-struktural yang berpaksikan kepada penyebaran konsonan tersebut dalam leksikal dan proses fonologi yang mendasarinya. Hasil analisis menunjukkan konsonan hentian glotis dalam dialek hulu Rompin dikategorikan sebagai alofon dalam tiga keadaan iaitu (i) fonem plosif akhir, (ii) geseran antara vokal dan (iii) penambahan akhir dalam etimon yang berakhir dengan vokal. Dapatan ini menunjukkan dialek hulu Rompin memiliki beberapa ciri linguistik yang berlainan dengan dialek Pahang am dan dialek Melayu secara umum justeru mengundang kelihan baru dari segi pengelompokan.

Kata kunci: dialek Melayu; dialek Hulu Rompin; konsonan hentian glottis; fonologi; alofon

The Distribution of Glottal Stop Consonants in the Hulu Rompin Dialect: A Preliminary Analysis

ABSTRACT

Unlike the Malayic variant in Borneo, the glottal stop consonant is often rendered as an allophone for the plosives of /p/, /k/ and /t/ in the word-final position. The allophonic status of the consonant means that (i) in the final-word position, the release of air in the plosive production of /p/, /k/ and /t/ is obstructed and thus realised as [ʔ], and (ii) that the realisation does not entail semantic change. It should be noted, however, that Collins (1985) found the generalisation on the allophonic status of [ʔ] for the plosives of /p/, /k/ and /t/ in word-final position is not consistent across all instances. This is evidenced by the Pulau Tioman data, which depicts the status of [ʔ] as a phoneme, and not an allophone. One question arises – by acknowledging the dialectal context of Peninsular Malay, will the other dialects foreground similar features of the Pulau Tioman Malay dialect? A field survey in Hulu Rompin found that the distribution of the glottal stop consonant is wide-ranging, especially in the inter-vocalic and word-final positions. This article sought to determine whether the glottal stop consonant is realised as a phoneme or allophone. The results indicate that the glottal stop consonant in the Hulu Rompin dialect is categorised as an allophone in three cases: (i) the final plosive phoneme, (ii) the fricative between vowels, and (iii) as the final addition to etymons ending with a vowel. These findings suggest that the Hulu Rompin dialect possesses several linguistic features that differ from the general Pahang and Malay dialects, thus setting out a new perspective on its classification.

Keywords: Malay dialect; Hulu Rompin Malay; glottal stop; phonology; allophone

PENGENALAN

Konsonan hentian glotis, atau padanan lainnya dalam bahasa Melayu ialah konsonan hambatan glotal (*Istilah Linguistik*, 1975:43), konsonan letupan glotis (*Kamus Linguistik*, 1997:147) dan konsonan letupan pita suara (Nor Hshimah, 2007:35), yang diwakili dengan lambang /ʔ/ menurut konvensi *International Phonetic Alphabet* (1999), ditakrifkan sebagai bunyi yang dihasilkan menerusi udara yang disekat posisi di bahagian anak tekak (Ladefoged, 2000). Konsonan ini wujud dalam kebanyakan bahasa dunia dengan pelbagai keadaan dan bentuk realisasi fonetik. Menurut *World Atlas of Language Structures* (<https://wals.info/feature/7A#2/19.5/152.8>) yang memetakan penyebarannya secara sistematik dan menyeluruh, konsonan hentian glotis dalam bahasa dunia memperlihatkan sekurang-kurangnya dua keadaan iaitu (i) sebagai fonem dan variasinya serta (ii) sebagai segmen bunyi yang mengalami proses pengglotisan. Dari segi fonem dan alofon atau variasi, konsonan hentian glotis dapat dikelaskan sebagai fonem yang mandiri justeru dihitung dalam inventori konsonan bahasa yang dikesan memilikinya selain turut menjelma sebagai alofon konsonan tertentu. Sebagai segmen bunyi yang mengalami proses pengglotisan pula, gejala ini merujuk kepada bahasa yang pada asalnya tidak memiliki segmen bunyi hentian glotis tetapi memperolehnya kemudian setelah pengoperasian proses pengglotisan.

Bahasa Malayik adalah kelompok bahasa yang memperlihatkan kewujudan kedua-dua keadaan konsonan hentian glotis yang diperikan ini terutama di Borneo. Antara contoh yang memperlihatkan kewujudannya dalam sistem fonologi ialah kelompok bahasa Ibanik (Adelaar,

1992), dialek Melayu Sarawak (Collins, 2016a) dan bahasa Melanau (Norfazila, 2024). Dalam kelompok Malayik semenanjung yang merujuk kepada dialek Melayu semenanjung, keadaannya sedikit berbeza. Hal ini dikatakan demikian kerana kewujudan konsonan hentian glotis dalam dialek Melayu semenanjung terbatas hanya kepada keadaan yang kedua iaitu konsonan tersebut terhasil menerusi proses penglotisan yang dikenakan terhadap konsonan hentian plosif bahasa Melayu (BM) /p, k, t/ khususnya di kedudukan akhir kata (Asmah, 1985; Zaharani, 1992). Sehubungan itu, konsonan hentian glotis dalam kelompok dialek tersebut ditafsirkan sebagai alofon kepada konsonan hentian plosif BM tersebut dan bukannya sebagai fonem utuh. Dengan status sebagai alofon, kewujudan konsonan hentian glotis di semenanjung membawa maksud yang berikut, iaitu:

- i. Di kedudukan akhir kata, udara yang dikeluarkan bagi menghasilkan bunyi plosif BM /p, k, t/ disekat justeru semua konsonan ini direalisasikan sebagai [ʔ].
- ii. Realisasi konsonan BM /p, t, k/ kepada [ʔ] tidak memperlihatkan perbezaan makna, maka pasangan minimal tidak dapat dioperasikan.

Selain daripada tafsiran yang ditampilkan, konsonan hentian glotis juga ditanggapi sebagai fonem yang mengisi kedudukan onset. Hal ini bagi memenuhi syarat teori pembentukan suku kata yang menetapkan bahawa struktur leksikal yang bermula dengan vokal dalam representansi luaran adalah didahului dengan konsonan pada tahap representansi dalaman, dengan konsonan yang dimaksudkan ialah hentian glotis (Yunus, 1980; Zaharani & Teoh, 2006:87). Namun begitu, oleh sebab perbezaan orientasi teoretis khususnya berkaitan dengan tahap representansi fonetik bagi konsonan hentian glotis antara teori fonologi autosegmental misalnya dengan pendekatan struktural diakronik yang menanggapi struktur dasar etimon bahasa Austronesia purba berbentuk VK- (Blust, 2013), maka tanggapan ini tidak akan disentuh dengan lebih lanjut.

Collins (1985) bagaimanapun mendapati bahawa generalisasi tentang status konsonan hentian glotis di posisi akhir yang dicerap hanya sebagai alofon kepada konsonan plosif BM /p, t, k/ tidak berlaku secara menyeluruh dalam dialek Melayu semenanjung. Collins mendasarkan kesimpulan ini berpandukan kepada data dialek Pulau Tioman. Dalam dialek Melayu yang terletak di tengah Laut China Selatan antara Pahang dan Johor itu, status konsonan hentian glotis di kedudukan akhir kata tidak boleh dikelaskan hanya sebagai alofon kepada konsonan BM /p, t, k/, sebaliknya sebagai fonem utuh, maka dihitung sebagai salah satu konsonan dalam inventori fonem dialek Pulau Tioman. Antara bukti yang ditampilkan oleh Collins bagi mengesahkan tafsiran ini ialah gejala penokokan atau penambahan konsonan hentian glotis terhadap leksikal BM yang berakhir dengan vokal. Disebabkan wujud kontras makna antara leksikal yang mengalami penokokan konsonan hentian glotis dengan leksikal BM yang berakhir dengan konsonan plosif, maka keberadaan konsonan tersebut absah untuk dianggap sebagai fonem dialek Pulau Tioman.

Makalah ini berpaksi pada dua isu yang timbul daripada kupasan di atas. Pertama, adakah dialek lain turut memperlihatkan gejala yang serupa dengan dialek Melayu yang dituturkan di Pulau Tioman justeru membolehkan konsonan hentian glotis dihitung dalam inventori fonem dialek berkenaan? Kedua, jikalau ada dialek lain yang memperlihatkan fakta demikian, maka apakah kesignifikanan keberadaan konsonan hentian glotis tersebut dalam penyebaran dialek Melayu semenanjung secara umum?

TINJAUAN KEPUSTAKAAN

Kajian dialek di Pahang, khususnya di lembangan Sungai Pahang yang meliputi Sungai Jelai, Sungai Lipis, Sungai Tembeling, Sungai Semantan dan beberapa sungai kecil lainnya, sudah amat meluas dengan deretan penerbitan ilmiah sehingga membolehkan ciri linguistik khas dialek Pahang ditampilkan sebagai berbeza dengan ciri linguistik yang dimiliki oleh dialek Malayik lain yang dituturkan di semenanjung Malaysia. Antara kajian yang membincangkan secara rinci ciri linguistik dialek Pahang ialah Collins (1983a, 1998), Mohd Tarmizi, Rahim & Shahidi (2014) dan Muhammad Norsyafiq, Rahim & Shahidi (2021). Walaupun rinci, semua kajian ini masih menanggapi kewujudan konsonan hentian glotis sebagai alofon kepada konsonan hentian di posisi akhir kata.

Selain itu fakta kajian dialek di lembangan Sungai Pahang menunjukkan bahawa masih belum ada sebarang kajian dialek sistematik dilakukan di lembangan Sungai Rompin. Hal ini pastilah menimbulkan pertanyaan khusus tentang keadaan dialek di kawasan tersebut. Pertanyaan yang dimaksudkan penting untuk dibangkitkan disebabkan posisi kawasan lembangan Sungai Rompin yang signifikan dari segi topografi dan kontak linguistik yang tentunya berpengaruh terhadap pola pertuturan masyarakat di Kampung Aur. Wawasan topografi (Collins, 2016b) dan tipologi sosiolinguistik (Trudgill, 2011) memberi gambaran bahawa dialek yang dituturkan di kawasan tersebut terkeluar daripada ciri am dialek di lembangan Sungai Pahang disebabkan kedua-dua lembangan sungai tidak bertembung. Maka, sudah tentu ciri linguistik di kedua-dua lembangan sungai adalah berbeza.

Gelintaran terhadap sumber bebas internet dan Facebook [laman *Malay Dialects (Indonesian, Malaysian and Other Malay Variants)* dan laman *Pencinta Loghat Pahang*] dengan kata kunci “dialek Kampung Aur” dan “loghat Kampung Aur” menampilkan satu daftar kata ringkas yang mengandungi sejumlah 100 item leksikal. Penelitian yang terperinci terhadap daftar kata tersebut sedikit-sebanyak dapat juga gambaran awal tentang perilaku fonologi DHR justeru membenarkan dakwaan tentang adanya perbezaan dialek di lembangan Sungai Rompin dengan dialek di lembangan Sungai Pahang. Walaupun sumber yang dirujuk ini tidak autentik disebabkan pengumpulannya tidak dilandasi dengan metodologi linguistik selain tidak memanfaatkan transkripsi fonetik, namun maklumat tersebut bermanfaat juga kerana memberi petunjuk penting bahawa DHR memerlukan penyelidikan dan analisis yang lebih sistematik.

Perbezaan DHR dengan dialek Pahang secara umum ini sangat penting ditonjolkan. Hal ini dikatakan demikian kerana kesesuaiannya dengan kerangka tipologi sosiolinguistik (Trudgill, 2011) yang diterapkan secara tidak langsung dalam kajian yang menjadikan lembangan sungai sebagai teras pemisahan dialek; lihat antara lainnya Collins (1983a, 1983b, 1998, 2016b), Andersen (1988), Anderbeck (2008), Yusriadi (2011), Mohd Tarmizi, Rahim & Shahidi (2014) dan Mohd Tarmizi (2022). Dalam kajian-kajian tersebut, lembangan sungai dibuktikan sebagai sempadan penting yang memisahkan dialek yang dituturkan oleh penduduk di sepanjang sungai justeru mewajarkan kewujudan nomenklatur dialek hulu dan dialek hilir; dengan dialek hulu memiliki ciri linguistik yang berlainan jika dibandingkan dengan dialek hilir. Oleh sebab daftar kata ringkas yang dinyatakan menunjukkan adanya kelainan antara DHR dengan dialek Pahang, maka kelainan berkenaan juga terkait dengan lokasi Kampung Aur yang terletak di hulu Sungai Rompin yang berpunca daripada sistem sungai yang berlainan dengan lembangan Sungai Pahang.

Malasnya ialah kelainan DHR yang menonjol dalam daftar kata ringkas tersebut tidak disedari oleh para pengkaji dialek Melayu. Disebabkan hal inilah maka maklumat tentang pertuturan penduduk di Kampung Aur masih belum didokumentasikan secara ilmiah walaupun keperluannya sangat mendesak disebabkan nuansa linguistiknya yang menarik. Walaupun Khairul Ashraaf, Nor Hashimah & Fazal Mohamed (2022) ada menampilkan penyebaran vokal

BM /a/ yang direalisasikan sebagai [a] di posisi akhir kata sebelum kesenyapan di Kampung Aur, namun gambaran terperinci tentang sistem fonologi dialek yang terletak di kawasan hulu lembangan Sungai Rompin itu masih belum terserlah sepenuhnya. Hal ini antara lainnya disebabkan oleh tujuan kajian Khairul Ashraaf, Nor Hashimah & Fazal Mohamed (2022) itu yang sekadar memetakan penyebaran vokal /a/ di lembangan sungai seluruh negeri Pahang menggunakan *geographical information system* (GIS) tanpa menyerlahkan kelainan linguistik yang lebih terperinci bagi setiap kawasan yang terlibat menerusi cerapan terperinci secara sinkronik mahupun diakronik.

Selain itu, Junaini Kasdan, Nur Afiqah Azmay & Anis Shahira Shamsuri (2023) ada juga mengkaji dialek yang dituturkan di Kampung Aur. Akan tetapi, yang difokuskan hanyalah gejala penyebaran kata ganti nama pertama, kedua dan ketiga yang juga dipetakan menerusi GIS. Makalah Junaini Kasdan, Nur Afiqah Azmay & Anis Shahira Shamsuri turut menampilkan analisis proses fonologi namun terbatas kepada penjelasan tentang perilaku fonologi dalam kata ganti nama misalnya proses pengguguran nasal dan perendahan vokal dalam /kawan/ > [kawɛ] dan bukannya kewujudan konsonan hentian glotis. Walau bagaimanapun, tinjauan lapangan yang dilakukan oleh pengkaji menunjukkan fakta yang berlainan daripada dapatan Junaini, Nur Afiqah & Anis Shahira. Hal ini demikian kerana kata ganti nama yang ditemui di Kampung Aur ialah [kam] ‘saya, aku’, [kuptʃɔh] ‘kami’, [kutʃɔh] ‘kamu, awak’ dan [dɔtʃɔh] ‘mereka’. Keberadaan kata ganti nama ini pun sebenarnya berdaya memberi gambaran tentang kelainan DHR yang sepatutnya perlu ditonjolkan dalam analisis linguistik selain daripada isu yang diangkat dalam makalah ini.

Sehubungan dengan itu maklumat yang sangat terbatas tentang gejala linguistik DHR seperti yang dikupas mewajarkannya untuk dikaji dengan mendalam bagi menyerlahkan juzuk-juzuk kelainan linguistik yang dimilikinya. Walaupun tidak semua juzuk linguistik DHR diteliti dalam makalah ini, namun analisis tentang perilaku fonologi bagi konsonan hentian glotis yang dikemukakan berupaya menyerlahkan kelainan justeru kepentingannya dalam memhami kompleksiti penyebaran dialek Malayik di semenanjung.

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini membincangkan beberapa perkara penting yang berkaitan dengan metodologi kajian bagi memastikannya dapat dioperasikan dengan sempurna.

PENENTUAN KAWASAN


Seperti yang dinyatakan, tujuan makalah ini adalah untuk meneliti status konsonan hentian glotis dalam DHR. Secara spesifik, rujukan bagi istilah dialek hulu Rompin atau DHR ialah dialek yang dituturkan di Kampung Aur, iaitu sebuah kampung yang terletak di bahagian hulu Sungai Rompin. Takrif ini mencakupi juga pertuturan di kampung-kampung yang terletak di kawasan hulu lembangan Sungai Rompin Takrif yang diberikan ini tentunya mengundang pertanyaan yang memerlukan kupasan lanjut iaitu kenapakah kawasan hulu lembangan Sungai Rompin dan Kampung Aur?



Peta 1. Kawasan kajian

Kajian ini mendasarkan jawapan pertanyaan tersebut dengan wawasan tipologi sosiolinguistik (Trudgill, 2011). Menurut Trudgill (2011), tipologi sosiolinguistik menampilkan pendirian tegas bahawa dialek di kawasan hulu merupakan dialek yang berbeza dengan dialek yang dituturkan di kawasan hilir dan kawasan berkontak. Disebabkan Hulu Rompin dan Kampung Aur terletak di kawasan hulu sungai justeru cocok dengan wawasan tipologi sosiolinguistik, maka fenomena linguistik yang terdapat di kawasan tersebut, sebagaimana yang dikupas dalam bahagian sorotan karya, diandaikan berlainan dengan dialek di kawasan hilir ataupun dengan dialek Pahang secara umum yang lazimnya dituturkan di kawasan yang memperlihatkan intensiti kontak yang tinggi.

Tentunya timbul persoalan tentang kerelevanan terminologi hulu-hilir yang digunakan dalam makalah ini. Tanggapan umumnya ialah setelah kewujudan jalan raya dan lebuh raya yang berperanan sebagai wahana penghubung utama menggantikan sungai, maka konsep hulu-hilir tidak lagi sesuai untuk digunakan dalam kajian dialek kerana hulu-hilir dicipta berpaksikan kepada sistem topografi iaitu lembangan sungai. Logiknya ialah jika sungai bukan lagi jalur penghubung, maka konsep hulu-hilir pasti tidak lagi relevan untuk dijadikan asas metodologi penentuan kawasan kajian. Tanggapan seperti ini adalah meleset. Persepsi umum penutur dialek Melayu di Pahang sebagai contoh tetap menanggapi dialek yang mereka tuturkan adalah dibezakan antara kawasan hulu dengan hilir: dengan hulu = pekat dan hilir = cair dan hulu = laju dan hilir = perlahan. Fakta lainnya ialah walaupun jalan dan lebuh raya sudah menjadi wahana penghubung utama, konsep hulu-hilir tetap juga menjadi penanda arah kepada para penduduk yang tinggal di sepanjang jalan dan lebuh raya berkenaan. Maka, menerapkan terminologi hulu-hilir sebagai asas kepada penentuan kawasan kajian bagi DHR masih lagi relevan.



Peta 2. Kampung Aur

Selain itu, penentuan kawasan kajian ini juga berpedoman kepada sistem topografi seperti yang dicadangkan oleh Collins (2016b) yang salah satunya merujuk kepada lembangan sungai. Menurut Collins (2016b), lembangan sungai merupakan unsur topografi penting yang mempengaruhi penyebaran dialek di semenanjung justeru menjadi sempadan penting bagi penentuan isologos yang memisahkan dialekt-dialekt yang terlibat. Atas pewajaran bahawa lembangan sungai di Pahang mempunyai kelainan linguistik seperti yang dibuktikan oleh Collins (1983a, 1998), Mohd Tarmizi, Rahim & Shahidi (2014), Junaini, Nur Afiqah & Anis Shahira (2023), Mohd Tarmizi (2022) dan Khairul Asyraff, Nor Hashimah & Fazal (2022), maka kajian ini menjadikan Kampung Aur sebagai kawasan yang mewakili kelainan dialekt di lembangan Sungai Rompin.

INSTRUMEN

Tentang data pula, pengumpulannya adalah berpandukan kepada daftar kata asas yang dikemukakan oleh Swadesh (1951). Untuk kajian ini, daftar kata asas tersebut yang mengandungi sebanyak 250 item leksikal telah ditambah baik dan disesuaikan dengan persekitaran kawasan kajian. Selain daftar kata asas, rakaman perbualan turut dilakukan. Tujuan rakaman perbualan adalah bagi mengenal pasti gaya pertuturan yang lebih alamiah justeru berfungsi sebagai penyemak kepada daftar kata asas. Dari segi teknik, rakaman perbualan dilakukan tanpa sebarang celahan daripada penyelidik. Hal ini bererti penyelidik menjadi pemerhati pasif terhadap perbualan informan. Faktanya ialah gabungan pencuplikan daftar kata asas dengan rakaman perbualan dapat menghasilkan data yang lebih autentik justeru berdaya menjadi perwakilan terhadap pertuturan yang lebih alamiah (Collins, 1998; Schilling, 2013).

Penggabungan teknik pencuplikan data di lapangan adalah sangat penting disebabkan pencuplikan item leksikal demi item leksikal dalam daftar kata asas adalah tidak peka-konteks

selain mendedahkan pengkaji kepada gejala *observer's paradox* (Schilling, 2013). Hal ini dikatakan demikian kerana item leksikal tersebut dituturkan secara terpisah daripada penggunaan bahasa yang alamiah. Maka, implikasinya ialah item leksikal dalam daftar kata tidak representatif kepada bentuk linguistik DHR yang tepat. Hanya dengan penyemakan terhadap rakaman perbualan yang menampilkan sisi alamiah penggunaan bahasa barulah item leksikal dalam daftar kata DHR lebih mendekati takah autentik. Semua daftar kata dan rakaman perbualan ditranskripsi menggunakan lambang fonetik antarabangsa (IPA) bagi membolehkan analisis fonologi dikerjakan.

INFORMAN

Kajian ini menemui bual seramai 4 orang informan yang terdiri daripada 2 informan lelaki dan 2 informan perempuan bagi mencuplik keseluruhan daftar kata asas DHR. Pembahagian jantina informan kepada 2 lelaki dan 2 perempuan dilakukan bagi memastikan penggunaan DHR terwakili. Dari segi penentuan informan, kajian ini menggunakan kriteria pemilihan informan yang menjadi amalan lazim dalam dialektologi yang diringkaskan menerusi akronim NORM/F (*non-mobile, old, rural, male/female*) (Chambers & Trudgill, 1998).

Namun begitu, disebabkan terdapat kriteria tersebut yang sudah tidak lagi sesuai dengan keadaan masyarakat sekarang (misalnya *non-mobile* dan *rural*), maka beberapa pertimbangan umum digunakan sebagai alternatifnya iaitu informan yang dipilih (i) merupakan penutur natif DHR, (ii) sempurna alat artikulasi, (iii) waras dan (iv) sudi bekerjasama. Dari segi umur, semua informan yang ditemui bual berusia dalam lingkungan 40 hingga 65 tahun. Untuk informan bagi rakaman perbualan pula, kajian ini masih menggunakan informan yang sama tetapi dengan bantuan ketua kampung yang bertindak sebagai pencetus perbualan ataupun orang yang mengajak informan berbual.

TEMU BUAL

Pencuplikan data daripada informan yang dipilih dilakukan menerusi penerapan teknik temu bual langsung dan tidak langsung (Schilling, 2013). Dari segi teknik temu bual langsung, pertanyaan yang diajukan kepada informan adalah item demi item leksikal yang terkandung dalam daftar kata. Misalnya, sambil jari memegang telinga, hidung ataupun menunjukkan kepada alat tertentu, informan ditanyakan soalan “apakah ini?” atau “orang di sini panggil ini apa?” Jawapan yang diberikan oleh informan ditranskripsi dengan lambang IPA, dan pada masa sama dirakam menggunakan alat perakam yang dibawa khas. Rakaman bertujuan untuk menyemak transkripsi yang dilakukan di lapangan setelah kajian lapangan selesai.

Dalam pada itu, oleh sebab informasi yang diberikan oleh informan menerusi pertanyaan item demi item leksikal cenderung untuk dipengaruhi oleh bahasa standard, maka teknik temu bual langsung turut diterapkan semasa kajian lapangan. Sebagai misal, jika dikesan informasi tidak tepat ataupun diragui sewaktu pelaksanaan temu bual langsung, maka peralihan kepada teknik tidak langsung terus dilakukan. Dari segi pelaksanaan, teknik temu bual tidak langsung memerlukan informan bercerita. Sebagai contoh, jika item leksikal yang ingin dicuplik ialah anggota badan, maka naratif yang berkaitan dengan anggota badan dijadikan stimulus kepada informan untuk bercerita tentang anggota badan yang berkaitan. Informasi yang dicuplik daripada kedua-dua teknik temu bual disemak menggunakan rakaman bagi memastikan ketepatan transkripsi.

Tambahan kepada teknik temu bual tidak langsung dan tidak langsung ialah temu bual lanjutan. Teknik ini merujuk kepada pelaksanaan temu bual setelah kajian lapangan selesai dilakukan dan pengkaji sudah pun pulang ke institusi masing-masing. Pelaksanaan teknik ini

melibatkan temu bual menerusi panggilan video (*Google Meet*), rakaman suara dan pesanan *Whatsapp*. Secara lebih khusus, informasi yang ditanyakan kepada informan adalah berbentuk pengesahan kepada penyebutan dan transkripsi item leksikal yang dikumpulkan di lapangan, selain informasi melibatkan leksikal tambahan yang penting untuk dianalisis bagi menonjolkan kelainan DHR ketimbang dialek-dialek Melayu yang lain.

PENDEKATAN ANALISIS

Fokus analisis ialah realisasi fonetik bagi konsonan hentian glotis dalam DHR dan bukannya fonemik. Analisis tersebut dilakukan berpandukan kepada pendekatan yang dikemukakan oleh Dixon (2010). Dengan realisasi fonetik, makalah ini sekadar memerikan pewujudan konsonan hentian glotis pada tahap penyebutan sebagaimana yang dilafazkan oleh informan. Maksudnya ialah lafaz yang diberikan oleh informan terhadap setiap pertanyaan item demi item leksikal dalam daftar kata akan ditranskripsi sebagai mewakili realisasi fonetik bunyi-bunyi dalam dialek yang dituturkan. Secara lebih terperinci, analisis penyebaran memberi fokus pada fonem yang mengisi slot leksikal asas DHR mengikut posisi iaitu awal (onset), tengah (nukleus) dan akhir (koda). Tujuan analisis mengikut slot adalah bagi mengenal pasti proses fonologi yang terjadi terhadap konsonan hentian glotis di setiap posisi yang terlibat.

Pemerian proses fonologi yang melibatkan konsonan hentian glotis DHR tersebut diserlahkan menerusi perbandingan dengan fonem dalam etimon bahasa Malayik purba (BMP). Beberapa proses fonologi sejarawi berdasarkan kupasan Campbell (2021) diketengahkan bagi mentafsirkan gejala linguistik yang melibatkan konsonan hentian glotis DHR. Apabila dikatakan sebagai proses fonologi sejarawi, maksudnya ialah pemaparan proses fonologi yang bersifat diakronik atau proses fonologi yang berlaku sepanjang sejarah dialek yang dikaji sehingga menjelmakan bentuk semasanya. Proses seperti ini misalnya dapat divisualkan menerusi realisasi segmen bunyi S yang dibandingkan dengan segmen bunyi purba tertentu, umpamanya G, bagi meneliti proses fonologi yang berlaku daripada G kepada S sehingga dialek berkenaan mengambil bentuk S sebagai realisasi semasanya.


DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan analisis dan dapatan tentang penyebaran konsonan hentian glotis dalam DHR menurut tatakaedah analisis yang dinyatakan dalam bahagian sebelum sebelumnya.

PENGGLOTISAN KONSONAN PLOSIF DI POSISI AKHIR KATA

Gejala pengglotisan konsonan plosif akhir merujuk kepada proses fonologi yang dialami oleh konsonan plosif di kedudukan akhir kata yang mengubahnya kepada konsonan hentian glotis. Gejala ini dirujuk sebagai penyatuan segmen bunyi (Campbell, 2021). Dalam gejala penyatuan, jika segmen bunyi A, B dan C memperlihatkan perubahan kepada satu segmen bunyi iaitu R, maka proses penyatuan telah mengambil tempatnya. Secara rajah, proses ini dapat dilakar sebagaimana yang berikut.

RAJAH 1. Penyatuan segmen bunyi



Dalam DHR, penyebaran konsonan hentian glotis di posisi akhir kata memperlihatkan proses penyatuan yang dimaksudkan. Konsonan ini berubah atau berinovasi daripada konsonan plosif BMP *p, *t dan *k. Secara lebih terperinci, inovasi konsonan plosif BMP oleh DHR yang dimaksudkan dapat diperhatikan menerusi data yang ditampilkan dalam jadual-jadual di bawah:

JADUAL 1. BMP *p > DHR [ʔ]

GLOS	DHR
atap	[ataʔ]
senyap (diam)	[sɲaʔ]
asap	[asaʔ]
tangkap	[pɣəkæh]
hisap	[isaʔ]
tiup	[tiyoʔ]
hirup	[iyoʔ]
tutup	[tutoʔ]
kemuncup	[kmupcoʔ]
kutip	[kutɛʔ]
berkelip	[kələʔ]
paip	[paʔɛʔ]
zip	[zɛʔ]

JADUAL 2. BMP *t > DHR [ʔ]

GLOS	DHR
kerat	[kɣɛʔ], [ktɛ]
berat	[bɣɛʔ]
ulat	[ulɛʔ]
urat	[uɣɛʔ]
lipat	[lipɛʔ]
rakit	[ɣakɛʔ]
bukit	[bukɛʔ]
sakit	[sakɛʔ]
sumpit	[sumpɛʔ]
sempit	[səmpɛʔ]
lutut	[lutuəʔ]
busut	[busuəʔ]
rambut	[ɣambuəʔ]

rumput	[ɣumpuəʔ]
lumut	[lumuəʔ]

JADUAL 3. BMP *k > DHR [ʔ]

GLOS	DHR
katak	[kktəʔ]
balak	[baləʔ]
kakak	[kakəʔ]
sepak	[sepəʔ]
jinak	[ginəʔ]
balik	[balɛʔ]
tarik	[tayɛʔ], [dyiŋ]
bisik	[bisɛʔ]
jentik	[dʒəntɛʔ], [kutʃɛ]
sisik	[sisɛʔ]
merobek, mencekup	[kyubɛʔ]
duduk	[dudoʔ]
tanduk	[tandoʔ]
kentuk	[kəntoʔ]
senduk	[səndoʔ]
ketuk	[kətəʔ]

Faktanya ialah perubahan BMP *p, *t dan *k kepada [ʔ] merupakan fenomena lazim dalam dialek Melayu di semenanjung Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana dialek-dialek yang dikelompokkan dalam tiga cabang utamanya iaitu cabang semenanjung utara, cabang semenanjung selatan dan cabang semenanjung timur semuanya turut memperlihatkan gejala inovasi yang serupa (Asmah, 1985; Zaharani, 1992; Collins, 2016). Para pengkaji dialek Melayu semenanjung sepakat untuk mentafsirkan inovasi tersebut sekadar bertaraf fonetik. Kesepakatan ini membawa maksud, walaupun inovasi BMP *p, *t, *k secara konsisten muncul sebagai hentian glotis di posisi akhir, namun realisasinya tidak menghasilkan kontras makna dalam pasangan minimal. Bahkan, jikalau leksikal dialek yang memperlihatkan inovasi hentian glotis akhir dibubuh unsur morfologi tertentu seperti afiksasi, konsonan hentian glotis tersebut akan hilang dan digantikan dengan konsonan plosif asal. Sebagai contoh, dialek Kelantan [kktɛʃɛʔ] ‘bercakap’ menghasilkan [kktɛʃɛɛ] ‘percakapan’ jika dibubuh sufiks [ɛ] (Mohd Tarmizi, 2022). Status inovasi BMP *p, *t, *k dalam DHR menyamai dialek Malayik semenanjung lain. Maka, status kewujudannya juga bertaraf fonetik, justeru tidak begitu penting dalam pengelompokannya.

Penyatuan konsonan plosif akhir kepada hentian glotis turut memperlihatkan perubahan terhadap nilai vokal yang mengikutinya. Jadual 1, 2, dan 3 memaparkan perubahan yang berikut:

Vokal BMP *a

BMP *-ap > DHR [-aʔ]

BMP *-at > DHR [-ɛʔ]

BMP *-ak > DHR [əʔ]

Vokal BMP *i

BMP *-ip > DHR [-εʔ]

BMP *-it > DHR [-εʔ]

BMP *-ik > DHR [-εʔ]

Vokal BMP *u

BMP *-up > DHR [-oʔ]

BMP *-ut > DHR [-uəʔ]

BMP *-uk > DHR [-oʔ]

Dalam data yang ditampilkan ini, perubahan nilai vokal DHR menunjukkan tiga keadaan. Pertama ialah pengekalan iaitu BMP *-ap > DHR [-aʔ]. Kedua ialah inovasi kepada perendahan yakni vokal berciri [+tinggi] > vokal berciri [-tinggi]. Sebagai contoh, BMP *i > DHR [ε]. Ketiga ialah vokal kluster. Gejala ini merujuk kepada pewujudan dua deretan vokal yang hadir bersebelahan. Vokal kluster ini berasal daripada vokal tunggal BMP iaitu *ut yang berinovasi kepada DHR [-uəʔ].

Pemerhatian yang lebih terperinci terhadap perubahan nilai vokal dalam posisi suku kata akhir yang mengikuti konsonan hentian glotis memperlihatkan persamaan dengan ciri dialek Pahang yang am yang tersebar di sepanjang lembangan Sungai Pahang. Menurut beberapa pengkaji dialek Pahang, antaranya Collins (1983a), Mohd Tarmizi, Rahim & Shahidi (2014) dan Mohd Tarmizi *et al.* (2024), dialek Melayu yang dituturkan di sekitar lembangan tersebut dicirikan dengan perubahan nilai vokal yang mengikuti konsonan [+koronal]. Sebagai contoh, data yang dikumpulkan di Kampung Serau, Kuala Lipis, memperlihatkan data yang berikut:

[ataʔ] ‘atap’

[balɔʔ] ‘balak’

[kyæʔ] ‘kerat’

[malɑ] ‘malam’

[tlæ] ‘telan’

[tula] ‘tulang’

Dalam contoh yang ditampilkan ini, vokal BMP *a yang mengikuti konsonan plosif dan nasal yang berfitur [+koronal] memperlihatkan kontras dalam realisasinya. Jika BMP *a mengikuti konsonan plosif berfitur [+koronal], maka *a direalisasikan kepada vokal yang memiliki fitur [+depan] seperti [a] dan [æ]. Akan tetapi, jika BMP *a mengikuti konsonan plosif berfitur [-koronal], *a direalisasikan kepada vokal yang berfitur [-depan] iaitu [ɔ] dan [ɑ].

Gejala umum fonologi yang muncul di lembangan Sungai Pahang seperti yang diperikan di atas masih lagi wujud dalam DHR walaupun lokasi Sungai Rompin dianggap terkeluar daripada sistem topografi dialek Pahang am (Collins, 2016b). Namun begitu, kewujudan gejala tersebut dalam DHR tidak tersebar meluas jikalau dibandingkan dengan gejalanya dalam dialek Pahang am kerana tertakluk kepada lingkungan fonetik yang tertentu sahaja. Secara rinci, di kawasan hulu Rompin, penyesuaian realisasi vokal dengan konsonan yang berfitur [+koronal] hanya melibatkan sistem konsonan hentian. Sebagai contoh:

[ataʔ] ‘atap’

[byεʔ] ‘berat’

[kkatəʔ] ‘katak’
[tiʔoʔ] ‘tiup’

Dalam contoh ini, vokal BMP *a yang mengikuti konsonan BMP *p, *t, *k direalisasikan kepada [a], [ɛ] dan [ɔ]. Realisasi [a] dan [ɛ] berciri [+depan] sejajar dengan fitur [+koronal] bagi konsonan *p dan *t. Realisasi kepada [ɔ] yang berciri [-depan] pula sejajar dengan fitur konsonan *k iaitu [-koronal]. Bagi vokal *u dan *i yang mengikuti *p, *t, *k pula, perubahannya juga masih berkorelasi dengan konsonan [±koronal] sebagaimana vokal *a, dengan perendahan merupakan proses yang mengubah nilainya. Vokal BMP *u yang mengikuti konsonan BMP *t pula memperlihatkan kehadiran vokal kluster. Gejala yang dikupas ringkas ini dapat diperhatikan dalam contoh di bawah.

[lutuəʔ] ‘lutut’
[dudoʔ] ‘duduk’
[kuteʔ] ‘kutip’
[sakeʔ] ‘sakit’
[siseʔ] ‘sisik’

Sehubungan dengan itu dapatlah dikatakan bahawa ciri penyesuaian vokal dengan konsonan berfitur [± koronal] sememangnya merupakan ciri umum bagi dialek Melayu yang dituturkan di negeri Pahang walaupun wujud batasan terhadap penyebarannya dalam lingkungan fonetik leksikal.

PENGGLOTISAN KONSONAN GESERAN DI POSISI ANTARA VOKAL

Pengglotisan konsonan geseran di posisi antara vokal merujuk kepada proses fonologi yang mengubah konsonan geseran BMP *h kepada konsonan hentian glotis. Menurut Campbell (2021), proses ini dikenali sebagai perubahan segmen iaitu apabila sesuatu segmen bunyi, misalnya B, berubah kepada segmen lain, misalnya R. Perubahan segmen bunyi yang dimaksudkan ini dapat dirajahkan seperti berikut:

RAJAH 2. Perubahan segmen bunyi



Terkait dengan gejala perubahan yang dilakar dalam Rajah 2, ternyata DHR memperlihatkan gejala yang lebih menarik berbanding dengan perubahan hentian glotis di posisi akhir kata yang merupakan fakta umum dialek-dialek Melayu di semenanjung. Dikatakan menarik disebabkan konsonan geseran velar tidak bersuara di posisi antara vokal turut direalisasikan kepada hentian glotis. Contoh yang membuktikan gejala ini dipaparkan dalam Jadual 3.

JADUAL 3. Perubahan BMP *h kepada hentian glotis di posisi antara vokal

GLOS	DHR
paha	[pəʔəʔ]
dahan	[daʔan]

jahat	[dʒaʔãʔ]
pelahap	[plaʔaʔ]
jahit	[dʒaʔeʔ]
pahit	[paʔeʔ]
lahir	[laʔe]
leher	[lɛʔe]
tahun	[taʔoŋ]
Lembap dalam pergerakan	[baʔəʔ]
Ditinggalkan oleh seseorang	[jaʔiʔ]

Contoh yang ditampilkan dalam Jadual 3 menunjukkan semua konsonan geseran velar tidak bersuara *h muncul sebagai konsonan hentian glotis dalam DHR. Data yang ada menunjukkan novasi ini terjadi tanpa kekecualian. Maksudnya ialah *h berubah kepada [ʔ] dalam semua lingkungan, dan vokal yang berada sebelum dan selepas *h tidak mempengaruhi proses fonologi yang menerbitkan konsonan hentian glotis tersebut. Sebagai misal, lingkungan vokal dalam etimon BMP seperti *a_a, *a_i, *a_u dan *o_o tetap menghasilkan konsonan hentian glotis di antara kedua-dua segmen vokal di Kampung Aur.

Kewujudan konsonan hentian glotis di posisi ini telah membezakan DHR dengan dialek Pahang am. Dalam dialek yang dituturkan di sepanjang lembangan Sungai Pahang tersebut lazimnya mengekalkan dan/atau menggugurkan BMP *h bergantung kepada persekitaran fonetik yang dihadapinya. Dialek Pahang yang dituturkan di bahagian hulu Pahang sebagai contohnya mengekalkan dan menggugurkan *h secara serentak (Mohd Tarmizi, 2022). Pengekalan terjadi dalam lingkungan vokal yang simetri seperti [a_a] dan [o_o] iaitu [pəhi] ‘paha’ dan [təhə] ‘air sungai yang cetek’. Perubahan pula berlaku dalam lingkungan vokal yang tidak simetri misalnya [a_i] dan [a_u] iaitu [daʔi] ‘dahi’ dan [pʔaʔu] ‘perahu’.

Selain dialek Pahang, pengglotisan konsonan geseran velar tidak bersuara DHR yang diperikan ini turut memperlihatkan perbezaan dengan dialek Melayu cabang semenanjung timur yang lain, malah dialek Melayu semenanjung secara umum. Dalam dialek Melayu cabang semenanjung timur seperti dialek Kelantan dan dialek Terengganu, gejalanya menyerupai dialek Melayu Pahang, iaitu mengekalkan dan menggugurkan *h yang tertakluk pada lingkungan fonetik. Sehubungan dengan itu fakta yang diperikan ini membuktikan kemandirian DHR, justeru mewajarkan persepsi masyarakat setempat di Kampung Aur bahawa dialek yang mereka tuturkan sehari-hari adalah berlainan, maka perlu dikelompokkan secara tersendiri.

PENAMBAHAN KONSONAN HENTIAN GLOTIS DI POSISI AKHIR

Kewujudan segmen bunyi di posisi tertentu yang asalnya tidak ada merupakan gejala penambahan atau penokokan. Oleh sebab itu gejala tersebut dianggap sebagai inovasi atau perubahan kerana segmen bunyi tertentu ditambah ke dalam sistem fonologi dialek atau bahasa yang terlibat. Maka, penambahan segmen bunyi berkenaan secara tidak langsung turut mengubah struktur suku kata leksikal yang terlibat. Sebagai misal, struktur suku kata asal berbentuk KVKV berubah menjadi KVKVK disebabkan penambahan segmen bunyi di posisi sebelum kesenyapan ataupun akhir kata. Secara rajah, penambahan segmen bunyi yang diperikan ini boleh dipaparkan seperti rajah yang berikut:

RAJAH 3. Penambahan segmen bunyi



Petunjuk:

Ø = zero yang merujuk ketiadaan segmen bunyi dalam etimon

F = fonem (konsonan dan vokal)

Di hulu Rompin, terdapat gejala yang cocok dengan maksud penambahan segmen bunyi yang dirajahkan dalam Rajah 3 iaitu penambahan konsonan hentian glotis. Data yang dikumpul di Kampung Aur menunjukkan bahawa konsonan hentian glotis muncul di posisi akhir kata dalam leksikal asal yang tidak memilikinya. Penambahan yang dimaksudkan dapat diperhatikan dalam data yang dipaparkan dalam Jadual 4 di bawah.

JADUAL 4. Penokokan konsonan hentian glotis di posisi akhir kata

GLOS	DHR
kera	[kyɔʔ]
lupa	[lupɔʔ]
buka	[bukɔʔ]
juga	[jugɔʔ]
sawa	[sawɔʔ]
bawa	[bɔwɔʔ]
paha	[pɔʔɔʔ]
kena	[kənɔʔ]
percaya	[p-tʃayɔʔ]
raga	yagɔʔ
basi	[basiʔ]
isi	[isiʔ]
nasi	[nasiʔ]
curi	[tʃuyiʔ]

Dalam Jadual 4, leksikal asal yang diwarisi daripada etimon BMP merupakan leksikal yang berakhir dengan vokal. Akan tetapi, etimon tersebut direalisasikan dalam DHR sebagai memiliki penambahan konsonan hentian glotis selepas vokal di posisi sebelum kesenyapan. Sebagai contoh, BMP *paha > DHR [pɔʔɔʔ]. Penambahan konsonan hentian glotis di posisi akhir dalam DHR ini membuktikan bahawa dialek tersebut terpisah daripada ciri am dialek Pahang yang tersebar di sepanjang lembangan Sungai Pahang.

Walau bagaimanapun, pemerhatian terperinci terhadap data dalam Jadual 4 turut menampilkan fakta yang lazim bagi dialek Pahang. Data dialek hulu Pahang varian hulu Kechau misalnya memperlihatkan kewujudan penambahan konsonan hentian glotis dalam leksikal tertentu, sama ada yang asalnya berakhir dengan vokal ataupun yang berakhir dengan *l (Mohd Tarmizi, 2022). Sebagai contoh:

BMP Ø > [-ʔ]

[nasiʔ] ‘nasi’

[bukɔʔ] ~ [bukɪ] ‘buka’

[jugiʔ] ~ [jugi] 'juga'
[bowaʔ] 'bawa
[bapaʔ] 'kata yang menunjukkan darjah kesangatan'

BMP *-l > [-ʔ]

[ambeʔ] 'ambil'
[kətʃiʔ] 'kecil'

BMP *-t > [-ʔ]

[kabiʔ] 'kabut'

Data hulu Kechau sememangnya menampakkan persamaan dengan DHR. Akan tetapi, penyebaran penambahan konsonan hentian glotis akhir di hulu Kechau terbatas hanya kepada contoh yang diberikan. Dalam data yang lain, BMP *l digugurkan lantas mengubah nilai vokal yang mengikutinya. Penyebaran ciri penambahan konsonan hentian glotis akhir dalam DHR lebih meluas, bahkan muncul dalam leksikal lain yang sekadar berakhir dengan vokal dalam semua dialek Melayu semenanjung. Maka, penyebarannya yang bersifat seperti ini justeru membuktikan DHR merupakan dialek yang mandiri.

PERBINCANGAN LANJUTAN

Bahagian ini sekadar memaparkan spekulasi berkaitan realisasi konsonan hentian glotis dalam DHR yang dibincangkan dengan asasi dalam dialektologi diakronik. Oleh sebab sifatnya adalah spekulasi, maka tidak ditampilkan analisis konkrit bagi mengesahkan segala lontaran yang ditampilkan. Hasrat bahagian ini adalah semata-mata refleksi terhadap beberapa kemungkinan implikasi yang terbit daripada realisasi hentian glotis dalam DHR.

PENGELOMPOKAN

Apakah perkaitan realisasi konsonan hentian glotis yang dibincangkan dengan kemungkinan pengelompokan DHR? Tiga arah hubungan dibincangkan iaitu DHR dengan (i) dialek Pulau Tioman, (ii) DHR dengan dialek Pahang dan (iii) DHR dengan dialek Melayu di semenanjung secara keseluruhan.

DIALEK PULAU TIOMAN

Pertama ialah hubungan dengan dialek Pulau Tioman. Seperti yang dinyatakan oleh Collins (1985), konsonan hentian glotis adalah sebahagian daripada sistem fonologi dialek Pulau Tioman. Pernyataan Collins ini bermaksud konsonan hentian glotis merupakan salah satu fonem dalam sistem fonologi dialek tersebut. Maka, dapatan Collins di Pulau Tioman telah membuka ruang bagi pertanyaan lanjut yang sangat relevan dengan makalah ini, yakni apakah perkaitan dialek Pulau Tioman dengan DHR yang turut memiliki konsonan hentian glotis dalam sistem fonologinya?

Sebelum pertanyaan yang diimplikasikan daripada kajian Collins tersebut dijawab, makalah ini terlebih dahulu berhasrat menukilkan khulashah atau rumusan cerita rakyat yang dirakam sewaktu kajian lapangan dilakukan di Kampung Aur walaupun disedari bahawa cerita dongeng tidak wajar diangkat dalam makalah ilmiah. Menurut cerita tersebut, Pulau Tioman

merupakan sebuah pulau di tengah lautan yang terbentuk daripada sebungkah tanah besar yang hanyut dari hulu Sungai Rompin. Cerita tersebut, walaupun tentunya sekadar dongengan, tetapi sangat relevan untuk difikirkan bagi merungkai hubungan linguistik antara DHR dengan Pulau Tioman.

Berdasarkan kewujudan konsonan hentian glotis sebagai fonem yang cuba dibuktikan dalam makalah ini, ternyata dialek di kedua-dua kawasan tersebut kelihatannya berhubung erat dari segi linguistik. Hal ini demikian kerana DHR dan dialek Pulau Tioman sama-sama memperlihatkan inovasi penambahan konsonan hentian glotis di posisi akhir kata daripada etimon BMP yang berakhir dengan vokal. Kedekatan ini sebenarnya boleh disahkan dari segi geografi juga iaitu kedudukan Pulau Tioman adalah berada dalam daerah Rompin. Maka, sememangnya tidak menghairankan jika kedua-dua kawasan benar-benar memiliki hubungan linguistik.

DIALEK PAHANG

Kedua, hubungan DHR dengan dialek Pahang. Satu perkara penting yang terkait dengan kesimpulan makalah ini tentang ciri penambahan konsonan hentian glotis di posisi akhir ialah gejalanya turut menjadi pemisah DHR dengan dialek Pahang walaupun lokasi Kampung Aur adalah dalam negeri Pahang. Pemisahan yang dimaksudkan ialah konsonan hentian glotis tidak bertaraf fonem tetapi alofon dalam dialek Pahang. Dengan alofon, maksudnya ialah dialek Pahang sekadar merealisasikan konsonan hentian glotis akhir daripada konsonan asal BMP *p, *t, *k.

Bukti tambahan untuk menguatkan lagi hujah yang menyatakan tentang pemisahan DHR dengan dialek Pahang ialah kewujudan leksikal khas DHR. Leksikal khas yang paling jelas membezakan DHR dengan dialek Pahang am ialah kata ganti nama. Sebagai contoh:

[kam] 'saya, aku'
[kuptʃɔh] 'kami'
[kutʃɔh] 'kamu, awak'
[dətʃɔh] 'mereka'

Dalam dialek Pahang am, kata ganti namanya adalah seperti berikut:

[kawaŋ]~[kawæ]~[koy]~[kɛh]~[kɔh]~[kawæh] 'saya, aku'
[komə] 'kami'
[dəmə] 'kamu, mereka'
[ɔʔ]~[awɔʔ]~[diç] 'awak'

Seperti yang dinyatakan ringkas dalam bahagian tinjauan kepustakaan, fakta yang menunjukkan kelainan kata ganti nama dalam DHR ini tidak disedari oleh Junaini, Nur Afiqah & Anis Shahira (2023). Hal ini demikian kerana data dalam kajian mereka sekadar memaparkan kata ganti nama dialek Pahang yang am seperti [kawɛ], [dəmə] dan [kəmə]. Ketiadaan kata ganti nama DHR seperti [kam], [kuptʃɔh], [kutʃɔh] dan [dətʃɔh] dalam Junaini, Nur Afiqah & Anis Shahira (2023) amat mengejutkan kerana kata ganti nama tersebut digunakan dengan meluas di Kampung Aur. Walau bagaimanapun perkara menarik untuk diteliti lanjut tentang kata ganti nama DHR ialah etimologinya. Adakah semua kata ganti nama diri DHR dipengaruhi oleh bahasa Aslian suku Senoi yang tinggal di sekeliling Kampung Aur? Makalah ini tidak dapat memastikan secara sah penggaluran etimologi kata ganti nama diri DHR kerana memerlukan penelitian lain yang lebih menjurus. Yang pastinya ialah kewujudan

kata ganti nama diri DHR sememangnya berdaya meneguhkan kesimpulan tentang kemandirian DHR daripada dialek Pahang am.

DIALEK MELAYU SEMENANJUNG

Ketiganya ialah hubungan dengan dialek Melayu semenanjung secara umum. Pertanyaan penting yang perlu disembulkan ialah bagaimanakah kedudukan DHR dalam salasilah dialek Melayu semenanjung? Fakta tentang penyebaran konsonan hentian glotis dalam dialek Melayu semenanjung ialah kewujudannya adalah berpunca daripada realisasi konsonan BMP *p, *t, *k di posisi akhir kata. Oleh sebab DHR memperlihatkan dua inovasi khusus bagi realisasi konsonan hentian glotis iaitu (i) BMP *-h- > DHR [ʔ] dan (ii) Ø > DHR [-ʔ], maka DHR juga menyimpang daripada dialek-dialek Melayu semenanjung lain.

REKONSTRUKSI BMP

Adelaar (1992) merekonstruksi konsonan hentian glotis sebagai fonem BMP hanya berasaskan kepada bahasa Iban. Dalam hal ini Adelaar (1992:67) membuat penegasan seperti berikut: “*if IBN (Iban) exhibits *-ʔ, I reconstruct PM (Proto-Malayic) -ʔ...*” Penegasan ini dibuat disebabkan oleh satu fakta, bahawa enam isolek Malayik (bahasa Melayu, Minangkabau, Serawai, Banjar Hulu, Melayu Jakarta dan Iban) yang dibandingkan oleh Adelaar, hanya bahasa Iban yang memperlihatkan kontras makna antara leksikal yang berakhir dengan hentian glotis dan leksikal yang berakhir dengan konsonan plosif. Asmah (2008) turut merekonstruksi konsonan hentian glotis dalam bahasa Melayu purba berdasarkan data bahasa-bahasa di Borneo seperti dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban.

Namun begitu, isunya ialah dokumentasi sedia ada tentang dialek Melayu semenanjung tidak berupaya menyokong rekonstruksi Adelaar dan Asmah. Hal ini disebabkan status konsonan hentian glotis hanya dianggap sebagai alofon kepada konsonan plosif BM /p, t/ k/. Dalam hal ini kajian Collins (1985) di Pulau Tioman tidak pernah pula dijadikan sandaran bagi mengukuhkan rekonstruksi konsonan hentian glotis pada tahap BMP. Walau bagaimanapun, dengan penemuan konsonan hentian glotis dalam DHR, sudah tiba masanya rekonstruksi tersebut diperkukuhkan dengan data dialek Melayu semenanjung yang lebih meluas.

Perbincangan dalam makalah ini menunjukkan bahawa wujud realisasi konsonan hentian glotis dalam DHR. Persoalan adakah realisasi tersebut serupa dengan bahasa Iban masih tidak dapat ditentukan menerusi analisis awalan sebaliknya memerlukan analisis fonemik yang lebih terperinci bagi membuktikan status konsonan hentian glotis dalam DHR.

PERSOALAN SEJARAWI

Tentang persoalan sejarawi ini, yang perlu dispekulasikan secara terperinci ialah dari manakah konsonan hentian glotis hadir ke dalam DHR? Maka, terdapat dua kemungkinan yang relevan untuk dibangkitkan bagi menjawab pertanyaan ini.

Kemungkinan pertama ialah selain dialek Pulau Tioman yang telah disentuh sebelum ini, konsonan hentian glotis sebagai fonem tidak pernah dikesan dalam dialek Melayu lain di semenanjung kecuali sebagai alofon kepada konsonan BM /p, t, k/ (< BMP *p, *t, *k) di posisi akhir kata. Maka, adakah hal ini bermaksud konsonan hentian glotis sampai ke hulu Sungai Rompin dari Pulau Tioman? Cerita rakyat yang dirakam di Kampung Aur menafikan sebarang pengesahan terhadap pertanyaan ini. Sebabnya ialah semangat cerita tersebut menatijahkan

hakikat bahawa Pulau Tioman sebenarnya yang menerima pengaruh dari kawasan hulu bukan sebaliknya iaitu kawasan hulu menerima pengaruh dari kawasan hilir.

Kemungkinan kedua pula berpaksi pada penolehan hakikat sejarah yang lebih purba maka lebih bersifat spekulasi. Hakikat sejarah yang dimaksudkan dapat diungkapkan menerusi pertanyaan adakah keberadaan konsonan hentian glotis dalam DHR berpunca daripada peristiwa sejarah lebih purba yang hujungnya berpangkal pada penghijrahan keluar penutur bahasa Malayik purba dari Borneo? Berpandukan perspektif tingkat diversiti bahasa, para pengkaji bahasa Austronesia sepakat bahawa tanah asal penutur bahasa Melayu ialah pulau Borneo bahagian barat (Adelaar, 1992; Collins, 2016). Dari kawasan tersebut, berlaku penghijrahan ke semenanjung, Sumatera dalam kawasan-kawasan lain di nusantara. Oleh sebab BMP memiliki konsonan hentian glotis dalam sistem fonologinya seperti yang direkonstruksi oleh Adelaar (1992), maka sewaktu penghijrahan ke semenanjung, para penutur awal BMP tersebut mengekalkannya dalam pertuturan mereka. Di semenanjung, kontak linguistik menyebabkan berlaku inovasi dan retensi jutseru membuatkan konsonan hentian glotis dalam sistem fonologi BMP tidak stabil. Dalam hal ini DHR meretensikan konsonan hentian glotis BMP, sedangkan dialek-dialek di semenanjung lain memperlihatkan inovasi yakni pengguguran justeru meninggalkan leksikal yang berakhir dengan vokal. Walau bagaimanapun, kedua-dua kemungkinan ini hanya dapat disahkan dengan kajian yang lebih menyeluruh dan sistematik mencakupi kesemua dialek Melayu yang terdapat di semenanjung, dan dalam masa yang sama turut melibatkan pelbagai disiplin ilmu lain seperti arkeologi, sejarah dan antropologi (Shahidi, Mohamad Firdaus & Rahim, 2024).

KESIMPULAN

Secara tuntas, makalah ini membincangkan status konsonan hentian glotis dalam DHR. Dari segi pemerian, DHR memperlihatkan keberadaan konsonan hentian glotis dalam tiga keadaan. Pertama, di posisi akhir kata sebagai alofon kepada konsonan BM /p, t, k/ yang merupakan refleks langsung BMP *p, *t, *k. Kedua, di posisi antara vokal yang merupakan realisasi terhadap konsonan geseran velar tidak bersuara BMP. Ketiga, di posisi akhir kata sebagai penokokan terhadap leksikal yang asalnya tiada hentian glotis. Ketiga-tiga keadaan ini merupakan inovasi fonologi yang berlaku dalam DHR. Keadaan pertama dan kedua bagaimanapun tidak menyumbang kepada penentuan status konsonan hentian glotis. Hanya keadaan ketiga yang membolehkan penentuannya dilakukan pasangan minimal justeru mengesahkan keberadaannya dalam sistem fonologi DHR.

Maka, terdapat tiga kesimpulan yang boleh ditampilkan. Kesimpulan pertama ialah dari segi pendokumentasian dan pemerian. Kewujudan konsonan hentian glotis akhir sebagai inovasi terhadap etimon dan leksikal yang berakhir dengan vokal menunjukkan bahawa masih wujud kelemahan dalam kegiatan pendokumentasian dialek di semenanjung. Kesimpulan kedua pula ialah pengelompokan. Hasil analisis terhadap kewujudan ciri penambahan konsonan hentian glotis akhir terhadap leksikal asal yang berakhir dengan vokal menunjukkan bahawa pengelompokan dialek Melayu semenanjung perlu dikelihi semula terutama melibatkan DHR. Namun begitu, keutuhan pengelompokan tersebut hanya terbukti setelah analisis fonemik yang terperinci dikerjakan terhadap realisasi konsonan hentian glotis. Pelaksanaan hasrat ini membawa kepada kesimpulan ketiga iaitu kajian menyeluruh perlulah disegerakan bagi mengumpul data yang berdaya menampilkan kontras fonemik antara konsonan plosif dengan hentian glotis akhir sebelum penutur DHR berkalih kepada koine Pahang.

PENGHARGAAN

Kajian ini didanai oleh Universiti Utara Malaysia menerusi geran universiti Kod S/O: 21599: *Pemerian dan Sejarah Dialek Melayu Hulu di Semenanjung: Kasus Varian Kampung Aur, Rompin, Pahang.*

RUJUKAN

- Adelaar, Karl. A. 1992. *Proto-Malayic: The Reconstructions of Phonology and Parts of Its Morphology and Lexical*. Pacific Linguistic C-119. Canberra: The Australia National University.
- Anderbeck, Karl. 2008. *Malay dialects of the Batanghari river basin (Jambi, Sumatra)*. SIL e-Books 6. Dallas: SIL International. <http://www.sil.org/resources/publications/entry/9245>
- Ansersen, H. 1988. Center and periphery: adoption, diffusion, and spread. Dalam *Historical Dialectology, Regional and Social*, ed. by Jacek Fisiak, 39-83. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Asmah Hj. Omar. 1985. *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 2015. *Ensiiplopedia bahasa Melayu*. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Blus, R. 2013. *The Austronesian languages*. Edisi kedua. Canberra: Pacific Linguistics.
- Campbell, Lyle. 2021. *Historical linguistics: an introduction*. Edisi keempat. Massachusetts: The MIT Press.
- Chambers, J. & Trudgill, P. 1998. *Dialectology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Collins, James T. 1983a. Dialek Pahang: rangka pengenalan. *Jurnal Bahasa*, 27, 99-118.
- Collins, James T. 1983b. *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, James T. 1985. Dialek Melayu Pulau Tioman dan rekonstruksi bahasa Melayu purba. *Jurnal Bahasa* 5: 369-383.
- Collins, James T. 1998. Bahasa Melayu Hulu Tembeling: menjejaki sejarah Semenanjung. *Jurnal Bahasa*, 2, 145-157.
- Collins, James T. 2016a. *Wibawa bahasa: kepikawain dan kepelbagaian*. Cetakan kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. 2016b. *Dialek Melayu Sarawak*. Cetakan kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dixon, R. M. W. 2010. *Basic linguistics theory, vol. 2: methodology*. Oxford: Oxford University Press.
- Ismail Hussein. 1973. Malay dialects in Malay Peninsula. *Nusantara*, 3, 69-79.
- Istilah linguistik*. 1975. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Junaini Kasdan, Nur Afiqah Azmay & Anis Shahira Shamsuri. 2023. Variasi kata ganti nama diri dalam dialek Melayu, Rompin, Pahang: analisis geolinguistik. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 11(1), 31-50. <https://doi.org/10.17576/jatma-2023-1101-04>
- Kamus linguistik*. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Ashraaf Saari, Nor Hashimah Jalaluddin & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2022. Analisis vokal /a/ di akhir kata dalam dialek Melayu di hilir Pahang. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 22(4). <http://doi.org/10.17576/gema-2022-2204-09>

- Ladefoged, P. 2000. *Vowels and consonants: an introduction to the sounds of languages*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Mohamad Zakuan Tuan Ibharim, Mohd Hilmi Hamzah & Khairul Faiz Alimi. 2024. *bcaka? ikə? alə suŋɛ: Korelasi Topografi dengan Linguistik di Lembangan Sungai Pahang. Prosiding Persidangan Linguistik ASEAN VI*. Hlm. 77-83.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A. H. 2014. *Fosil dialek hulu Pahang*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Tarmizi Hasrah. 2022. *Dialek Melayu hulu di bahagian timur semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Norsyafiq Zaidi, Rahim Aman & Shahidi A. Hamid. 2021. *Genetik purba dialek Melayu di lembangan tengah Sungai Pahang*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaludin. 2007. *Asas fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norfazila Ab. Hamid. 2024. Inventori fonem varian Melanau Bintulu di Sarawak. *Jurnal Melayu*, 23(2), 1-17.
- Schilling, N. 2013. *Sociolinguistic fieldwork*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Shahidi A. H., Mohamad Firdaus Azaharuddin & Rahim Aman. 2024. Selayang pandang kajian variasi dialek Melayu berasaskan kaedah tradisi dan moden. *Jurnal Melayu*, 23(1), 1-17.
- Swadesh, M. 1951. Diffusional cumulation and archaic residue as historical explanations. *Southwestern Journal of Anthropology*, 7(1), 1-21.
- Trudgill, P. 2011. *Sociolinguistic typology: social determinants of linguistics complexity*. Oxford: Oxford University Press.
- Trudgill, P. 2011. *Sociolinguistic typology: social determinants of linguistics complexity*. Oxford: Oxford University Press.
- Wu, Jiang. 2023. *Malayic varieties of Kelantan and Terengganu: Description and linguistic history*. Leiden: Netherlands Graduate School of Linguistics.
- Yunus Maris. 1980. *The Malay sound system*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Yusriadi. 2007. *Dialek Melayu Ulu Kapuas, Kalimantan Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad & Teoh Boon Seong. 2006. *Fonologi autosegmental: penerapannya pada bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. 1993. *Fonologi generatif: teori dan penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Biodata Penulis:

Mohd Tarmizi Hasrah (PhD) ialah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia. Minat penyelidikan beliau tertumpu pada bidang linguistik diakronik (khususnya linguistik bandingan dan dialektologi sejarawi), falsafah bahasa Melayu dan sejarah linguistik bahasa Melayu.

Khairul Faiz Alimi (PhD) ialah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia giat menjalankan kajian dalam bidang fonologi, sintaksis, dialektologi dan bahasa peribumi di Malaysia.

Mohamad Zakuan Tuan Ibhari (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP). Minat penyelidikan dan penerbitan beliau menjurus kepada bidang linguistik dan penterjemahan.